

Memuliakan Masjid

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Masjid mempunyai kedudukan yang istimewa bagi umat Islam. Ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah ke Madinah, Baginda telah memulakan langkah pertama dalam mengukuhkan kekuatan umat Islam dengan membina masjid iaitu masjid Quba' dan masjid Madinah. Ini menunjukkan masjid adalah lambang kekuatan, perpaduan dan kesatuan umat Islam. Kedudukan masjid yang penting ini digambarkan oleh Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Taubah ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَن ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى

الرَّكُوعَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud: *Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka merekalah orang yang diharapkan termasuk golongan orang yang mendapat petunjuk.*

Allah Subhanahu wa-Taala telah mengingatkan kita semua bahawa antara sifat orang yang sempurna iman ialah mengimarahkan masjid. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ

Yang bermaksud: *Jika kamu melihat seseorang itu biasa ke masjid maka saksikanlah bahawa dia adalah seorang yang benar-benar beriman.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Usaha mengimarahkan masjid akan memupuk persaudaraan dan sifat kasih sayang dalam kalangan umat Islam. Kita dituntut untuk mengambil berat keadaan saudara kita yang lain dengan membantu mereka dan tidak menyusahkan mereka. Ketika berada dalam masjid kita diminta untuk rapat dan meluruskan saf sewaktu mendirikan solat supaya setiap orang dalam jemaah akan bersentuhan antara satu sama lain. Amalan ini dititikberatkan agar memupuk perasaan kasih sayang sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْسَحُ مَنَاكِبَنَا فِي الصَّلَاةِ وَيَقُولُ اسْتَوْوُوا وَلَا تَخْتَلِفُوا

فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ

Yang bermaksud: *Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam* mengusap bahu-bahu kami ketika hendak mendirikan solat dan berkata, “Luruskan saf kamu dan jangan bengkok mengakibatkan hati-hati kamu akan berselisih faham”.

Kita juga dilarang makan makanan yang berbau seperti petai, jering dan seumpamanya kerana ia mengganggu keselesaan jemaah masjid. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan Imam Muslim yang bermaksud:

“Barang siapa yang makan bawang merah dan bawang putih hendaklah ia menjauhi diri dari masjid kita”.

Begitulah sebahagian adab yang perlu dipelihara bagi menjadikan masjid sebagai tempat bersih, wangi, aman, sejahtera, saling menghormati dan mengenyahkan sebarang bentuk perbezaan. Masjid juga adalah simbol perpaduan dan kekuatan umat Islam. Janganlah membawa perkara-perkara yang boleh mengundang persengketaan kerana ia akan melemah dan merugikan umat Islam.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Masjid adalah pusat ilmu yang membuka ruang kepada seluruh umat Islam untuk mendalami ilmu agama. Kita perlu menyedari bahawa umat Islam akan berdiri gagah berhadapan dengan cabaran masa kini apabila mereka memiliki ilmu, kemahiran dan penguasaan dalam pelbagai bidang kehidupan. Oleh itu, apabila majlis ilmu diadakan kita hendaklah memberi perhatian dengan duduk berhampiran guru yang mengajar. Janganlah kita mengambil sikap sambil lewa dengan berbual-bual ketika majlis ilmu berlangsung. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ
وُغَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Yang bermaksud: *Tidaklah berhimpun mana-mana kaum di rumah Allah membaca Al Quran dan bertadarus di antara mereka, melainkan turunlah kepada mereka ketenangan, diselubungi rahmat, dikerumuni oleh para malaikat dan Allah Subhanahu wa-Taala menyebut mereka kepada makhluk yang berada di sisi-Nya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita bersama-sama menginsafi tanggungjawab terhadap rumah Allah Subhanahu wa-Taala. Amat menyedihkan jika ada masjid atau surau yang tidak dimakmurkan sehingga apabila kedengaran azan hanya beberapa orang sahaja yang menyahut seruan tersebut. Pada masa yang sama kedai-kedai kopi dan pasaraya, pasar malam dipenuhi dengan manusia. Apakah sudah hilang kepekaan terhadap tanggungjawab untuk memakmurkan masjid? Sepatutnya kitalah yang memulakan untuk mengajak anak isteri kita, jiran tetangga bukan menuding jari untuk mengharapkan orang lain untuk menyeru saudara-saudaranya berjemaah ke masjid. Begitulah juga peranan jawatankuasa masjid seelok-eloknya menziarahi rumah ahli kariahnya untuk saling mengenali serta menyantuni dan mengajak mereka ke masjid.

Mengabaikan solat berjemaah adalah kesilapan besar umat Islam hari ini. Bagaimana kita mendakwa bahawa kita adalah orang yang memuliakan masjid jika kita hanya menziarahi masjid sekali dalam seminggu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَبْنَىءَ آدَمَ خُدُوًا زَيْنَتَكَرْمُ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوًا وَشَرَبُوًا وَلَا تُسْرِفُوًا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Yang bermaksud :*Wahai anak Adam pakailah pakaianmu yang indah ketika memasuki masjid (untuk menunaikan sembahyang), Makanlah dan minumlah dan jangan kamu melampaui batas . Sesungguhnya Allah tidak suka golongan yang melampaui batas.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ
الرَّحِيْمُ.